

*Pedagogi &
Efikasi Kendiri*

**GURU NAHU
BAHASA ARAB**

**FARIHAH HUSSAIN
NIK MOHD RAHIMI NIK YUSOFF**

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2024
www.ukm.my/penerbit

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
PEWARIS GEMILANG SDN. BHD.
No. 27G, Jalan Putra 8, Taman Kajang Putra,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-486-166-4

Kandungan

Senarai Jadual & Rajah ... 7

Prakata ... 9

BAB 1 Pedagogi Nahu yang Efektif ... 11

BAB 2 Konsep, Model dan Teori Pedagogi ... 27

BAB 3 Konsep dan Model Efikasi Kendiri Guru ... 44

BAB 4 Nahu dalam Kurikulum Bersepadu Dini ... 58

BAB 5 Nahu dan Pedagogi ... 77

BAB 6 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran
Bahasa Arab ... 97

BAB 7 Amalan Guru Efikasi Tinggi Bahasa Arab ... 118

Rujukan ... 141

Indeks ... 147

Prakata

Buku *Pedagogi dan Efikasi Kendiri Guru Nahu Bahasa Arab* ini merupakan hasil kajian pelajar peringkat Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Pendidikan Bahasa Arab. Kajian ini telah mencungkil amalan terbaik pedagogi Guru Nahu Bahasa Arab. Amalan terbaik mereka ini telah mendapat pengiktirafan Jabatan Pendidikan peringkat daerah dan negeri. Salah satu ciri utama dari amalan terbaik ini adalah efikasi kendiri. Guru Nahu Bahasa Arab ini berkongsi pengalaman mereka bagaimana efikasi kendiri mereka menjadikan amalan terbaik pedagogi Nahu Bahasa Arab.

Efikasi kendiri perlu ada dalam diri seseorang guru bagi menjadikan pengajaran lebih berkesan. Hal ini kerana mengajar adalah profesion yang memerlukan pelbagai kemahiran dan kemampuan daripada guru. Kemampuan dan kemahiran tidak akan datang dengan sendirinya tanpa usaha. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab guru untuk berusaha ke arah peningkatan efikasi kendiri guru dalam pengajaran nahu. Bagi meningkatkan keyakinan diri keperluan latihan (*tadrib*), persiapan (*i'dad*) dan kursus profesionalisme (*daurah ta'hiliyyah*) diperlukan dalam diri guru nahu.

Guru ialah golongan yang memberi kesan besar terhadap perkembangan personaliti, mental, fizikal dan spiritual manusia. Guru juga berperanan sebagai seorang pengajar, pengurus, pembimbing, penggalak, penyelaras dan pembawa pembaharuan. Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa profesion keguruan merupakan satu profesion yang perlu ditonjolkan dalam masyarakat. Salah satunya dari segi menyampaikan ilmu dengan lebih yakin dan lancar ketika mengajar. Murid akan lebih memahami isi kandungan yang dipelajari. Hal ini perlu diterapkan terutama dalam pengajaran nahu kerana pembelajaran nahu bersifat teori dan praktik.

Efikasi kendiri guru adalah satu sifat yang sukar untuk dilihat dengan mata kasar melainkan dengan pemerhatian yang mendalam. Keyakinan dan kepercayaan dalaman dalam diri seseorang individu yang akan menggerakkan sesuatu tindakan itu dalam membentuk corak kerja dan perkembangan kerjaya seseorang. Justeru, efikasi kendiri guru diperlukan dalam setiap diri guru bagi melaksanakan tanggungjawab mengajar agar

pengajaran yang diajar difahami dan berkesan. Dalam konteks kajian ini, maksud efikasi kendiri guru nahu ialah keyakinan guru terhadap dirinya sendiri dalam menyampaikan ilmu pengajaran nahu Kurikulum Bersepadu Dini Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Efikasi kendiri guru diperlukan agar guru lebih yakin untuk menyampaikan ilmu dalam pengajaran nahu sekaligus dapat meningkatkan kualiti dan mutu pengajaran nahu. Efikasi kendiri guru boleh ditingkatkan dengan beberapa perkara, antaranya ialah melalui penyeliaan dan pemantauan daripada pihak pentadbiran sekolah terutama guru besar atau pengetua sekolah dan melalui pengalaman masteri, pengalaman *vicarious*, pujukan lisan dan maklum balas fisiologi dan emosi. Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia meminta pengetua di sekolah menengah atau guru besar di sekolah rendah menjalankan pencerapan di bilik darjah secara sistematik dengan mematuhi setiap prinsip pelaksanaan yang telah digariskan. Pencerapan ini bukannya bertujuan mencari kesalahan guru, tetapi bertujuan untuk saling berkongsi amalan yang terbaik dan meningkatkan efikasi kendiri dalam kalangan guru.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Pihak Penerbit UKM yang telah menyediakan Dana Penerbitan Buku untuk menerbitkan buku ini dengan kod geran DPB-2023-12. Buku ini diharap dapat membantu Guru Bahasa Arab secara umumnya, dan secara khususnya kepada Guru Nahu Bahasa Arab. Ini adalah kerana dalam buku ini terkandung amalan terbaik Guru Bahasa Arab Efikasi Tinggi. Sekian, terima kasih.

Fariah Hussain

Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff